

# KL, Bangkok tak perlu meterai perjanjian khas

BANGKOK 14 Julai - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Kuala Lumpur dan Bangkok tidak perlu menandatangani sebarang perjanjian khas sebagai mekanisme untuk menangani sebarang isu memabitkan kedua-dua negara di wilayah selatan Thailand yang berkonflik.

Sebaliknya, Timbalan Perdana Menteri memberitahu, kedua-dua negara akan menggunakan saluran persefahaman politik yang sedia ada untuk menyelesaikan sebarang perkara yang timbul dari semasa ke semasa.

"Pada masa sekarang tiada perjanjian... tidak perlu ada perjanjian seumpama itu.

Bagaimanapun kami ada persefahaman politik yang baik," katanya semasa sidang akhbar pada akhir Mesyuarat Jawatankuasa Am Sempadan (GBC) Malaysia-Thailand Ke-46, di sini hari ini.

Najib yang juga Menteri Pertahanan mempengerusikan Mesyuarat GBC bersama rakan sejawatannya, Jeneral Thammarak Isarangura.

Timbalan Perdana Menteri berkata, beliau merasakan memadai untuk mempunyai mekanisme persefahaman politik dalam menyelesaikan perkara-perkara yang timbul di wilayah selatan Thailand

Sebagai contoh, jelas beliau, kerajaan Malaysia memutuskan untuk menghantar pulang salah seorang daripada 131 rakyat selatan Thailand yang meminta suaka politik dengan memasuki Kelantan setahun lalu.

"Kita telah menghantar pulang (lelaki berkenaan) kerana dia mempunyai rekod jenayah dan menghadapi tuduhan jenayah di Thailand.

"Saya merasakan tahap persefahaman merupakan asas terbaik untuk bertindak dalam apa jua situasi yang mungkin wujud dari semasa ke semasa," katanya.

Mengenai kedudukan kumpulan warga

Thai tersebut, Najib menjelaskan, pendirian Malaysia ialah pihak berkuasa Thailand boleh menemui mereka untuk memujuk mereka pulang ke negara tersebut secara sukarela.

"Jadi dasar kita ialah dasar sukarela," katanya.

Beliau menambah, kerajaan tidak menetapkan sebarang tempoh tertentu untuk menyelesaikan isu tersebut.

"Mungkin apabila keadaan di Thailand pulih, mungkin mereka hendak balik... rumah mereka dan keluarga mereka ada di sana (Thailand)," jelas beliau.

**- Utusan**